

TARIKH: 5/5/2023  
SURAT KHABAR: SINAR HARIAN  
MUKA SURAT: II

## Penetapan gaji minimum perlu berdasarkan pelbagai aspek

**KUALA LUMPUR** - Penetapan gaji minimum perlu dibuat berdasarkan pelbagai aspek termasuk sektor pekerjaan, kelayakan akademik, pengalaman dan kemahiran pekerja bagi memberi keadilan kepada semua pihak, menurut dua pemimpin kesatuan pekerja utama negara.

Setiausaha Agung Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran, Mohamad Rizan Hassan berkata, pertimbangan kelayakan akademik semata-mata tidak praktikal dan tidak adil kerana ia boleh dimanipulasi oleh majikan dengan menawarkan gaji rendah kepada pekerja yang mungkin kelayakan akademiknya rendah, namun mempunyai pengalaman luas serta berkemahiran.

Bercakap kepada *Bernama*, beliau berkata, ia juga tidak sihat untuk pasaran pekerjaan kerana ia memberi 'isyarat' bahawa Malaysia terkebelakang berbanding sesetengah negara dalam soal penggajian pekerja berkemahiran.

"Di Singapura, Australia dan New

Zealand, pekerja yang mempunyai kemahiran tahap tiga atau empat dalam bidang automatik serta memiliki sijil profesional sebagai juruteknik automatik dianggap sebagai pakar dalam bidang itu dan diberikan gaji dua atau tiga kali ganda, berbanding di Malaysia yang memperoleh hanya RM2,700 hingga RM3,000 sebulan.

"Di Thailand dan Vietnam, siswazah kemahiran Malaysia diberi ruang untuk bekerja di negara tersebut dengan gaji tinggi dan ini kurang elok kerana akan menyebabkan pelarian intelektual secara berterusan," katanya sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri



MOHAMAD RIZAN



MOHD EFFENDY

Anwar Ibrahim pada Isnin lalu mengenai gaji minimum.

Menurut Anwar, pelaksanaan gaji minimum di negara ini masih sukar serta 'hiruk-pikuk' dan kaedah baharu pelaksanaannya akan dibincangkan dalam mesyuarat

kabinet bulan depan bagi mendapatkan penyelesaian 'sekali dan untuk semua'.

Bagi Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd Effendy Abdul Ghani pula, penetapan gaji minimum harus bersifat progresif bagi mengimbangi keperluan dan keadaan kos sara hidup masyarakat hari ini.

Beliau berharap gaji minimum itu mengambil kira pengalaman, kemahiran

dan sektor diceburi pekerja, selain mencadangkan supaya gaji minimum dikaji secara berkala sekurang-kurangnya setahun sekali bagi memastikan gaji diterima dalam pasaran pekerjaan adalah relevan.

"Ini yang perlu dilihat secara holistik selain pemantauan penguatkuasaan diteruskan terhadap pematuhan majikan kerana dalam pelaksanaan gaji minimum RM1,200 sebelum ini, ada majikan didapati memotong elaun pekerja untuk dimasukkan dalam gaji pokok.

"MTUC menentang keras kerana ia tidak menepati atau telah melanggar perintah gaji minimum itu sendiri. Mana-mana majikan tidak boleh memasukkan mana-mana elaun ke dalam gaji pokok untuk dapatkan gaji minimum," ujarnya.

Jelasnya, usaha untuk meningkatkan kesedaran majikan dan pekerja berhubung perintah gaji minimum juga penting kerana tidak ramai pekerja peka tentang hak melalui perkara yang termaktub dalam Akta Kerja 1955 bagi melindungi mereka.

Nasional  
Sinar Harian  
Jumaat  
5/5/2023  
m 15 11